

0339

U B443 DEB
MAHATHIR - MCA 'R'R'R'

JELEBU, 2 3 JUN (BERNAMA) DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BELIAU TIDAK AKAN CAMPUR TANGAN DALAM PERSELISIHAN YANG DIKATAKAN WUJUD ANTARA PRESIDEN MCA DATUK SERI DR LING LION'S SIK DAN TIMBALANNYA DATUK LEE KIM SAI.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU TIDAK MENGAMBIL PERHATIAN TERHADAP APA YANG DIKATAKAN BERLAKU DALAM MCA ITU KERANA IA ADALAH SOAL RUMAH TANGGA PARTI ITU.

+ITU ADALAH MASALAH RUMAH TANGGA MEREKA... KITA TIDAK HARUS CAMPUR TANGAN,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR SELAKU PENCERUSI BARISAN NASIONAL KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN PERLETAKAN BATU ASAS STESAN PENYELIDIKAN MARDI DI SIMPANG DURIAN DEKAT SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU YAKIN KEDUA-DUA PEMIMPIN MCA ITU CUKUP MATANG UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH MEREKA TANPA CAMPUR TANGAN BELIAU.

+SAYA PERCAYA MEREKA SUDAH MATANG DAN BOLEH MENYELESAIKAN MASALAH MEREKA TANPA CAMPUR TANGAN DARIPADA SAYA,+ KATA BELIAU.

BEBERAPA AKHBAR BERBAHASA CINA AKHIR-AKHIR INI MELAPORKAN KONONNYA KEDUA-DUA PEMIMPIN ITU TIDAK LAGI BERSEPENDAPAT DAN DATUK LEE YANG JUGA MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN DIJANGKA MENENTANG DATUK SERI DR LING (MENTERI PENGANGKUTAN) UNTUK JAWATAN PRESIDEN PADA PEMILIHAN PARTI BULAN DEPAN.-- LAGI.

1720MST 23 06 90

0340

U B445 DEB
MAHATHIR - MCA 2 JELEBU

BAGAIMANAPUN, KEDUA-DUA PEMIMPIN TERSEBUT TELAH BEBERAPA KALI MENAFIKAN LAPORAN MENGENAI PERSELISIHAN FAHAM TERSEBUT MELALUI AKHBAR.

KETIKA DITANYA MENGENAI DAKWAAN USNO KONONNYA KERAJAAN NEGERI SABAH MENGHALANG PROJEK-PROJEK PERSEKUTUAN DI NEGERI ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +SAYA TIDAK BOLEH KOMEN... SEBAB KEDUA-DUANYA ADALAH (PARTI KOMPONEN) BARISAN NASIONAL.

+TERPULANGLAH KEPADA MEREKA UNTUK MEMBUAT PENILAIAN. SAYA TIDAK HENDAK CAMPUR TANGAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA KERAJAAN MELULUSKAN BANTUAN SEBANYAK 92501000 DALAM BENTUK BARANGAN SEPerti MAKANAN DAN BAHAN BINAAN, UNTUK MEMBANTU MANGSA GEMPA BUMI DI IRAN.

SEKURANG-KURANGNYA 25,000 ORANG DILAPORKAN TERKORBAN MANAKALA LEBIH DARIPADA 20,000 LAGI CEDERA DALAM BENCANA ALAM YANG BERLAKU DI IRAN KELMARIN. -- LAGI.

1722MST 23 06 90

MAHATHIR - MCA 3 JELEBU

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA DITANYA SAMA ADA KENYATAAN BELIAU SUPAYA MEREKA YANG TIDAK DIPILIH MENJADI CALON BN PADA PILIHAN RAYA UMUM KELAK, TERUS MENYOKONG KERAJAAN DAN JANGAN KECEWA, MEMBAYANGKAN EAHAWA BANYAK MUKA BARU DIPILIH SEBAGAI CALON KELAK.

KATA BELIAU: +SAYA TIDAK TAHU LAGI BERAPA RAMAI ORANG BARU KERANA BELUM BUAT KEPUTUSAN. INI CUMA SATU KEMUNGKINAN.+

+HAKIKATNYA PADA TIAP PILIHAN RAYA PASTI ADA PERUBAHAN... ADA SEBILANGAN CALON YANG TERDIRI DARIPADA ORANG BARU DAN SEBILANGAN LAGI DARIPADA ORANG LAMA. JADI SAMA ADA ORANG BARU ATAU ORANG LAMA YANG TAK TERPILIH ITU TAK BOLEHLAH RASA KECEWA... DLA MESTILAH TERUS SOKONG.+

BELIAU BERKATA, MEREKA YANG TIDAK DIPILIH KELAK HARUSLAH MENYOKONG CALON YANG BARU SEBAGAIMANA MEREKA MAHUKAN SOKONGAN SEMASA MENJADI CALON SEBELUMNYA!

SEKIRANYA MEREKA TIDAK MENYOKONG KEPADA CALON YANG BARU, INI BERMAKNA MEREKA TIDAK BERTERIMA KASIH KEPADA ORANG YANG DAHULUNYA MEMBERI SOKONGAN KEPADA MEREKA, KATA BELIAU LAGI.

KETIKA BERUCAP SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN SENTIASA MEMIKIRKAN URAHA BARU UNTUK MEMPERHEBATKAN PEMBANGUNAN 51 NEGARA INI DEMI KEPENTINGAN RAKYAT. -- LAGI.

MAHATHIR - MCA 4 JELEBU

BAGAIMANAPUN, KATANYA, IA TIDAK BOLEH DILAKUKAN SEKALI GUS TETAPI MESTILAH SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT BERGANTUNG KEPADA KEMAMPUAN KEWANGAN NEGARA.

BELIAU MENINGATKAN RAKYAT SUPAYA BIJAK MENGGUNAKAN HAK MEREKA UNTUH MEMILIH KERAJAAN YANG BENAR-BENAR BERTANGGUNGJAWAB AGAR MEREKA TERUS MENIKMATI PEMBANGUNAN DAN KESEJAHTERAAN.

SEGALA KEMAJUAN YANG DIHASILKAN SELAMA INI ADALAH HASIL DARIPADA KEBIJAKSANAAN RAKYAT DALAM MEMILIH SIAPAKAH YANG SEBENARNYA LAYAK MENJADI KERAJAAN, KATANYA DAN MENAMBAH, RAKYAT BERTUAH KERANA MALAYSIA KETIKA INI MERUPAKAN ANTARA NEGARA TERMAJU DI KALANGAN NEGARA-NEGARA DUNIA KETIGA.

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA MENINGATKAN RAKYAT AGAR BERHATI-HATI TERHADAP HASUTAN SESETENGAH GOLONGAN YANG MENYARANKAN SUPAYA RAKYAT MEMILIH KERAJAAN BARU TETAPI SEBENARNYA MEREKA MEMPUNYAI NIAT UNTUK KEPENTINGAN DIRI.

KATANYA, GOLONGAN ITU JUGA CUBA MENIMBULKAN KEMARAHAAN DI KALANGAN PENEROKA FELDA DENGAN MENDAKWA KONONNYA KERAJAAN TIDAK MENGAWAL HARGA KOMODITI SEPERTI GETAH DAN KELAPA SAWIT YANG SEMAKIN TURUN. -- LAGI.

1745MST 23 06 90

D351

U 8455 DEB

MAHATHIR - MCA 5 JELEBU

DATUK SERI DR MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA KERAJAAN TELAH BERUSAHA SEDAYA UPAYA UNTUK MEMASTIKAN HARGA KOMODITI MENINGKAT TETAPI SOAL TURUN-NAIK HARGA BERGANTUNG KEPADA PASARAN.

SEBELUM ITU DATUK SERI DR MAHATHIR DIARAK OLEH KIRA-KIRA 500 PENUNGGANG MOTOSIKAL TERDIRI DARIPADA ANGGOTA PARTI-PARTI KOMPONEN BN KE TAPAK PERASMIAN ITU YANG DIBANJIRI OLEH RIBUAN ORANG.

HADIR SAMA IALAH ISTERINYA DATUK SERI DATIN PADUKA SITI HASMAH ALI, MENTERI BESAR DATUK HAJI MOHAMAD ISA ABDUL SAMAD, MENTERI PERTANIAN DATUK SERI SANUSI JUNID DAN BEBERAPA PEMIMPIN NEGERI. --